

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** DR. TAN SENG  
GIAW  
[ KEPONG ]

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilangan jenis burung dan bilangan yang terlindung di Malaysia. Adakah beliau sanggup mengambil langkah untuk memelihara burung bangau yang terkumpul di Jinjang Utara.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], terdapat 270 spesies burung dikategorikan sebagai dilindungi dan 969 spesies dikategorikan sebagai dilindungi sepenuhnya.

Burung bangau merupakan burung hijrah (*migratory*) yang hanya boleh ditemui di Malaysia semasa musim hijrah di antara bulan Ogos hingga April tahun berikutnya. Burung-burung ini membiak di hemisfera utara dan berhijrah ke hemisfera selatan untuk mendapatkan sumber makanan. Dalam penghijrahannya, burung-burung ini akan singgah di tanah lembap di negara-negara yang terletak dalam laluan penghijrahan.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan sentiasa mengambil langkah-langkah bagi memastikan habitat untuk burung-burung hijrah dipelihara sebagai tempat persinggahan burung-burung tersebut.

Sekian, terima kasih.